

## **H MESYUARAT KEDUA LEMBAGA PENGARAH KUKUM**

Mesyuarat Ke-2 LPU telah diadakan di Bilik Mesyuarat KUKUM, Tingkat 11 Bangunan KWSP pada 28 Jun 2003 yang lalu. Seperti biasa mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Ramli Abbas yang juga Pengerusi LPU KUKUM. Mesyuarat ini diadakan bagi membincang dan meluluskan perkara-perkara dasar KUKUM dan juga perkara-perkara lain yang berkaitan.

Ketibaan pengerusi dan ahli-ahli LPU KUKUM telah disambut meriah oleh Y.Bhg. Rektor, Pegawai-pegawai Utama dan juga ketua-ketua jabatan KUKUM. Mesyuarat yang dijalankan selama 3 jam itu dihadiri oleh semua ahli LPU kecuali Y.B Dato' Mohiyaddin Che Jan, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis yang mempunyai tugas penting di tempat lain.